

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 26/01/2008

UM - 26/1/2008

# Malaysia model terbaik

**DAVOS** 25 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ber-kongsi pengalaman 50 tahun Malaysia menguruskannya pelbagai anutan agama dan kaum pada mesyuarat tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF) yang sedang berlangsung di bandar peranginan yang terkenal dengan sukan ski ini.

Dalam soal jawab pada satu sidang pleno semalam, beliau merumuskan bagaimana kerajaan Malaysia mencipta kejayaan menerusi perkongsian kuasa yang membawa manfaat meluas termasuklah dalam proses politik iaitu pembentukan kerajaan.

"Perkongsian kuasa antara kaum dan agama diberi perhatian oleh barisan anggota Kabinet. Kita berjaya kerana kita membuat keputusan secara bersama," katanya yang merujuk kepada soalan-soalan yang ditujukan kepada beliau selepas berucap pada sidang pleno semalam berkaitan kepercayaan dan pemodenan.

Namun, kata Abdullah, beliau tidak menafikan terdapat banyak masalah yang perlu diatasi dan itu pun ia dilakukan secara bersepakat.

"Inilah komitmen dan keyakinan bersama. Yang kita pegang ialah kepercayaan pada diri untuk kebijakan seluruh rakyat," jelasnya kepada pemberita Malaysia yang membuat liputan mesyuarat tahunan WEF di sini.

Oleh itu, tegas beliau, kerajaan akan terus mengamalkan cara tersebut yang merupakan cara terbaik, yang menjadi amalan sejak 50 tahun lepas.

Pada dialog berkenaan juga, kata Abdullah,



Daripada  
**OTHMAN MOHAMAD**  
Davos, Switzerland

beliau menekankan betapa sebarang bentuk bantuan dan kerjasama perlulah dilakukan dalam nilai-nilai yang tidak menghadkan ia disalurkan berdasarkan kaum atau agama.

Nilai-nilai sedemikian yang mendapat persetujuan bersama penting dalam melihat kerjasama antara orang Islam dan bukan Islam terutama dalam konteks agenda pembangunan umat Islam, jelasnya.


"Sebarang bantuan dan kerjasama tidak boleh disalurkan mengikut kaum dan agama," tegas Abdullah.

Beliau menjelaskan pada ketika ini sudah wujud kesedaran peringkat bertukar-tukar pandangan mengenai dialog antara agama.

"Kini sudah ada satu kesedaran di kalangan peserta (mesyuarat) bahawa ini adalah isu yang penting dan ia mesti dikupas. Sebarang masalah perlu dihadapi bersama tanpa mengira agama yang dianuti atau kaum," jelasnya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menjelaskan mesyuarat WEF Asia Timur yang dijadualkan di Kuala Lumpur 15 dan 16 Jun ini akan turut membahas dan mempromosikan dialog antara agama serta antara Barat dan dunia Islam berdasarkan minat yang ditunjukkan pada pertemuan di Davos sekarang.

- Utusan



**ABDULLAH** Ahmad Badawi berjabat tangan dengan Presiden Switzerland, Pascal Couchepin sebelum mengadakan mesyuarat dua hala semasa menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Davos, Switzerland, semalam.